

30 JUL 1998

Pemuda-Singapura

PEMUDA UMNO SOKONG PENDIRIAN DR MAHATHIR BERHUBUNG ISU CIQ

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno memberi sokongan padu kepada pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantinnya (CIQ) dari Tanjung Pagar ke Woodlands.

Pengerusi Majlis Hal-Ehwal Antarabangsa pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata Pemuda Umno juga mahu kerajaan Malaysia bersikap tegas mengenai isu perpindahan CIQ Malaysia itu.

Isnin lepas, Dr Mahathir, ketika melakukan lawatan ke Namibia, berkata Malaysia tidak akan memindahkan pusat CIQ-nya dari Tanjung Pagar ke Woodlands.

Perdana Menteri telah berkata sesuatu perjanjian antarabangsa perlu diluluskan Kabinet atau Parlimen dan sebarang dokumen yang ditandatangani oleh mereka yang bukan ketua kerajaan adalah tidak mencukupi.

Dalam kenyataannya hari ini Hishammuddin berkata walau apa jua alasan kerajaan Singapura, Pemuda UMNO yakin tindakan republik itu yang menerbitkan salinan-salinan surat perundingan antara Malaysia-Singapura untuk bacaan umum mengandungi unsur jahat yang tidak lain hanya akan mengeruhkan lagi keadaan.

Pemuda Umno memandang serius perkara itu kerana ia bertentangan dengan etika kenegaraan dan prinsip diplomasi. Tindakan itu juga dilihat tidak menyumbang kepada jalan penyelesaian yang sedang diusahakan oleh kedua-dua pihak, kata Hishammuddin.

Beliau juga berkata Pemuda Umno menyokong penuh usaha Pemuda Umno Johor untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas mengenai Singapura dalam usaha menangani perkara itu.

Segala pandangan, perasaan dan tindakan Pemuda Umno Johor itu akan dapat menyumbang kepada dasar dan pendirian Pemuda Umno Malaysia, katanya.

Mengenai pendirian rasmi Pemuda Umno terhadap isu hubungan dua hala Malaysia-Singapura yang akan dibuat Isnin depan di Tenggara, Johor, beliau berkata Pemuda Umno akan terus meneliti perkembangan itu dari hari ke hari laporan media republik itu yang dilihat belum memuaskan.

Di JOHOR BAHARU, Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) Johor, Abdul Razak Ahmad berkata Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat berhak membuat keputusan untuk tidak berpindah dari Tanjung Pagar.

Oleh itu, kerajaan Singapura perlu menghormati keputusan Malaysia, kata beliau dalam kenyataannya hari ini.

Katanya PRM mahu isu itu tidak dijadikan perbalahan antara Malaysia dan Singapura.

"Apa jua perbalahan yang timbul boleh diselesaikan dengan cara baik berasaskan hormat-menghormati antara dua jiran yang mempunyai hubungan rapat daripada segi sejarah," kata Abdul Razak.

Katanya, kedua-dua negara perlu mengekalkan hubungan yang rapat dan Singapura hendaklah menunjukkan sikap yang jujur bagi mengekalkan hubungan baik.

Sementara itu DAP telah menyeru Singapura supaya menangguhkan tarikh untuk memindahkan kemudahan CIQ-nya ke Woodlands pada 1 Ogos ini sehingga penyelesaian yang baik dicapai dengan Malaysia.

Setiausaha Agung parti pembangkang itu Lim Kit Siang berkata perbalahan terbaru antara Singapura dan Malaysia berkaitan pemindahan pusat CIQ kedua-dua negara itu dari Tanjung Pagar ke Woodlands, adalah sesuatu yang tidak sepatutnya dan perlu berlaku.

Lim juga berkata perkara itu juga tidak membayangkan sikap kejiwaan yang baik dan semangat Asean yang sudah diamalkan selama lebih tiga dekad.

"Saya percaya majoriti rakyat Malaysia dan Singapura ingin supaya kedua-dua kerajaan menyelesaikan bukan sahaja isu CIQ tetapi juga beberapa isu lain yang belum selesai, dengan cara baik, tanpa menegangkan lagi hubungan Malaysia-Singapura, sama ada pada peringkat rakyat dengan rakyat atau kerajaan dengan kerajaan," kata beliau dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

TCL rn NMO